

| | | | |
|-------------|--|--------------|-------------------|
| Headline | Pengarang Hiburan Kosmo terima ijazah | Language | MALAY |
| Date | 23. Oct 2008 | Page No | 28 |
| Media Title | Utusan Malaysia (Central) | Article Size | 169 cm2 |
| Section | Dlm Negeri | Frequency | Daily |
| Circulation | 238082 | Color | Full Color |
| Readership | 833287 | AdValue | 5212.72 |



● Pengarang Hiburan *Kosmo!* terima ijazah

SERDANG 22 Okt. – Setelah 15 tahun berkhidmat dalam duniaewartawanan, akhirnya impian Tengku Khalidah Tengku Bidin, 34, untuk menggenggam segulung ijazah menjadi kenyataan.

Tengku Khalidah yang merupakan Pengarang Hiburan akhbar *Kosmo!* menerima Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dari Universiti Putra Malaysia (UPM) pada Majlis Konvokesyen ke-32 yang disampaikan oleh Pro Canselor universiti berkenaan, Tan Sri Lim Ah Lek, di sini hari ini.

Juara Pengacara Jemputan Nona di TV3 tahun 1998 ini berjaya memperoleh ijazah berkenaan selepas mengikuti pengajian program Eksekutif di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi sesi 2004/2007.

“Syukur kepada Allah, kerana akhirnya impian saya menggenggam segulung ijazah menjadi kenyataan.

“Apa yang lebih membanggakan, ijazah ini diperolehi dengan pembiayaan wang simpanan hasil titik peluh saya bertugas sebagai pekerja di *Utusan Melayu*, sebuah syarikat akhbar unggul dan berpengaruh kepada bangsa Melayu” kata ibu kepada Puteri Irdina Syazli dan Tengku Zafirah Syazli ini.

Dengan pencapaian CGPA 3.5, Tengku Khalidah turut ditawarkan mengikuti pembelajaran peringkat sarjana dalam bidang Komunikasi Korporat di universiti berkenaan.



TENGGU Khalidah Tengku Bidin (dua dari kiri) menerima ucapan tahniah daripada rakan-rakan selepas Majlis Konvokesyen ke-32 UPM di Serdang, semalam.